

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	3/12/2018

# Kerajaan kaji gubal Akta Pembaziran Makanan: TPM

BH - 3/12/2018  
m/s: 3

→ Langkah galak rakyat urus lebih, kurangkan kos hidup

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad  
mriduwan@nstp.com.my

► Serdang

**K**erajaan akan menggubal Akta Pembaziran Makanan dalam usaha menangani isu pembaziran makanan dalam kalangan rakyat yang berleluasa di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata kerajaan yakin jika pembaziran makanan dapat dikurangkan secara tidak langsung ia dapat membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

"Saya menganjurkan masyarakat supaya mengelakkan tabiat pembaziran makanan. Secara purata rakyat Malaysia membuang satu kilogram makanan setiap hari.

"Jangan membazir, ini mesej

yang hendak saya sampaikan (bahawa) kerajaan sedang mengkaji dengan teliti keperluan menggubal Akta Pembaziran Makanan dari pelbagai sudut.

"Sekiranya pembaziran makanan dapat dikurangkan secara tidak langsung dapat membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat," katanya berucap pada majlis penutupan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2018 di sini, semalam.

**Denda pelanggan bazir makanan**  
Yang hadir sama, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub dan timbalannya, Sim Tze Tzin.

Mengulas lanjut, Dr Wan Azizah berkata, kerajaan turut mempertimbangkan beberapa langkah lain, termasuk mengenakan denda kepada pelanggan di hotel dan restoran yang

membazirkan makanan.

"Kita juga mempertimbangkan langkah, termasuk Program Food Bank Malaysia yang dilaksanakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang mana lebih makanan diperolehi daripada pasar raya besar seperti roti, sayur dan buah-buahan diagih kepada mereka yang memerlukan. Program ini dijangka dilaksanakan di seluruh negara pada awal tahun hadapan," katanya.

Sebelum ini beberapa pihak termasuk Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Saifuddin Nasution Ismail dan Persatuan Pengguna Islam Malaysia turut menggesa diwujudkan akta berkenaan.

Sementara itu, Dr Wan Azizah turut mengusulkan supaya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menggalakkan pertani-

an organik tanpa penggunaan bahan kimia demi kesihatan.

Katanya, beliau tertarik dengan industri penanaman lada hitam di Julau, Sarawak yang menggunakan bahan kimia minimum sehingga mampu menghasilkan lada hitam berkualiti tinggi.

**Galak pertanian organik**

"Sekarang ini saya lihat pertanian di negara ini menggunakan banyak baja dan racun. Kita perlu berbalik kepada pertanian organik, melihat kepada (aspek) kesihatan dan apa kesan buruk kalau ada terlampau banyak bahan kimia ini.

"Apakah Malaysia boleh melaksanakan pertanian organik ini? Ini yang saya lontarkan kepada kementerian untuk memikirkannya. Saya difahamkan lada hitam dihasilkan di Julau, Sarawak berkualiti tinggi dan kurang penggunaan racun perosak, malah dibeli oleh Jepun dan

Australia. Kita mampu melaksanakannya," katanya.

Dalam ucapannya, Timbalan Perdana Menteri turut berharap MAHA tidak sekadar menjadi satu pameran semata-mata.

"Seiring dengan konsep MAHA kali ini, pengunjung sewajarnya memanfaatkan segala ilmu dan pengalaman yang diperolehi dalam memajukan aktiviti agromakanan.

"Pameran kejayaan petani, penternak dan nelayan serta usahawan industri asas tani seharusnya menjadi inspirasi untuk mereka menceburi bidang keusahawanan pertanian.

"Kejayaan usahawan tani hingga ke peringkat antarabangsa diharapkan dapat menangkis persepsi negatif terhadap bidang agromakanan dalam kalangan masyarakat kerana ia boleh diterokai sebagai sumber rezeki dan yang menjana ekonomi negara," katanya.



Dr Wan Azizah bersama Salahuddin pada majlis penutup MAHA 2018 di MAEPS, Serdang, semalam.